

**UCAPAN OLEH  
YB DATO' SERI LAW HIENG DING  
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI  
DAN ALAM SEKITAR**

**DI MAJLIS PELANCARAN PROGRAM  
"TOYOTA ECO YOUTH"  
PERINGKAT KEBANGSAAN**

**DI HALL 6, INTERNATIONAL  
CONVENTION CENTRE  
FIRST WORLD HOTEL  
GENTING HIGHLANDS**

**PADA 4 APRIL 2002  
JAM 11.15 PAGI**

Y.Berusaha Dr. Abdul Halim Harun  
Pengarah Urusan  
Kumpulan UMW;

Y.Berusaha Encik M. Sugiyama  
Timbalan Pengerusi  
UMW Toyota;

Y.Bhg. Dato' Michael Lim  
Pengarah Urusan  
UMW Toyota;

Mr. T. Tsuji and Mr. H. Nakagawa  
Representation from Toyota Motor Asia Pacific;

Y.Bhg. Puan Hajjah Rosnani Ibarahim  
Ketua Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar;

Pengarah-Pengarah daripada Kementerian Pendidikan;

Pengetua-Pengetua Sekolah;

Para Guru;  
Para Pelajar;

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur majlis ini iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia dan UMW Toyota kerana telah memberi penghormatan kepada saya untuk melancarkan dengan rasminya Program Toyota Eco Youth Peringkat Kebangsaan pada pagi ini. Saya menyambut baik keputusan mengadakan majlis ini di sini walaupun ianya agak jauh untuk kebanyakan daripada kita. Tempat ini amat bertepatan sekali dengan mesej yang hendak disampaikan melalui program ini iaitu kita perlu

sebagai rakyat Malaysia tidak kira muda atau tua atau di mana jua kita berada atau bertugas bekerjasama memelihara keindahan semulajadi negara. Keindahan serta kesegaran udara di persekitaran Genting Highland ini menerangkan dengan jelas apa yang saya maksudkan. Sekiranya kawasan di persekitaran Genting Highland ini dicemar dan pokok-pokoknya ditebang sewenang-wenangnya saya yakin ianya tidak terkenal sebagai tarikan pelancong sepertimana ianya sekarang. Disebabkan keindahan semulajadi di sini dikawal dan dipelihara dengan baik ianya berjaya menjadi tarikan pengunjung bukan sahaja dari dalam tetapi juga dari luar negara. Mungkin ada yang berpendapat orang ramai datang ke sini sebab adanya casino. Saya tidak menafikan itu tetapi saya percaya tarikan utamanya ialah keindahan semulajadi di sini dengan udara yang segar dan bersih. Oleh itu saya amat menyambut baik usaha Kementerian Pendidikan dan UMW Toyota mengadakan program ini. Sebagai rakyat Malaysia kita mesti bersatu dalam memelihara dan menjaga kepentingan alam sekitar melalui apa jua cara. Yang pentingnya keindahan serta kebersihan alam sekitar terpelihara.

Saya percaya aktiviti yang dilancar pada pagi ini akan dapat menjana bakal-bakal saintis yang bukan sahaja kreatif dan inovatif tetapi dinamik dan mempunyai nilai moral yang tinggi, terutama dalam usaha-usaha pemeliharaan alam sekitar.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Saya gembira kerana pihak-pihak swasta seperti UMW Toyota, sebuah syarikat yang terlibat secara aktif dalam industri motor, telah tampil ke hadapan untuk menaja program pengurusan alam sekitar Toyota Eco-Youth ini. Komitmen yang ditunjukkan oleh UMW Toyota adalah amat penting dan bertepatan sekali dengan hakikat bahawa kita perlu bersama-sama memupuk cinta terhadap alam sekitar sejak dari bangku sekolah lagi. Masyarakat dewasa sama ada sebagai ibu bapa,

guru, ahli korporat dan sebagainya harus sentiasa bersikap bertanggungjawab membimbing generasi muda dari kecil-kecil lagi supaya menjadi seorang yang turut bertanggungjawab kepada persekitarannya. The love for the environment must be inculcated in our youngsters at the very early age. They must be taught the importance of the environment in parallel as we taught them to respect their parents and elders. Only then can we hope a truly environment conscious culture emerge in years to come. By this I am not saying that all of us are not environment conscious. Public awareness has indeed increased but much need to be done for us to achieve awareness level such as those in Sweden or Germany for example.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Bagi para pelajar yang mengambil bahagian dalam program ini, yakinkanlah diri bahawa penglibatan para pelajar dalam program Toyota Eco Youth ini boleh dianggap sebagai usaha-usaha secara individu yang kelak akan mendorong kepada kerjasama masyarakat. Penglibatan ini juga menandakan bahawa pelajar semua, iaitu sebuah badan korporat, dan para pelajar adalah salah satu komponen masyarakat yang bertanggungjawab menjaga kepentingan alam sekitar. Para pelajar semua telah membuat pilihan yang bijak dengan menyertai usaha-usaha memulihara alam sekitar seperti program Toyota Eco Youth ini. Syabas saya ucapkan kepada para pelajar sekalian.

Program ini juga telah menepati ciri-ciri pengurusan alam sekitar negara yang bertujuan untuk meneruskan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya serta peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia menerusi kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan mampan. Antara lain objektif polisi alam sekitar adalah untuk mengekalkan alam sekitar yang bersih dan sihat, mengekalkan kualiti alam sekitar yang menepati keperluan populasi yang semakin meningkat dan memberi penekanan kepada usaha pencegahan melalui pemuliharaan.

Saya difahamkan bahawa pendekatan Quality Control Circle (QCC) akan digunakan dalam program Toyota Eco Youth ini. Saya percaya melalui proses-proses seperti pembentukan dan penamaan kumpulan, perancangan, mengenalpasti masalah, memilih tema, menyasat situasi terkini dan sebagainya, para pelajar akan mendapat satu pendedahan tentang cara-cara untuk memelihara alam sekitar.

Biarpun skop projek pada kali ini adalah di sekitar kawasan sekolah sahaja, saya percaya ianya sudah cukup luas untuk memberi pengalaman dan pendedahan kepada para pelajar. Bermula dengan mengurangkan impak sekolah terhadap alam sekitar, satu hari nanti, tidak mustahil skop yang lebih luas akan dicapai, seperti mengurangkan impak masyarakat setempat masing-masing terhadap alam sekitar. Saya berharap agar para pelajar sekalian menggunakan sepenuhnya peluang ini jangan mensia-siakannya sebab sesuatu peluang itu mungkin tidak akan berulang.

Kepada UMW Toyota, pihak Kerajaan sentiasa mengalu-alukan usaha murni ini dalam membimbing serta memberi kesedaran kepada generasi muda terhadap pemeliharaan dan pengurusan alam sekitar yang berkesan.

Akhir kata, kepada sekolah yang mengambil bahagian, saya harap agar mereka akan memberikan komitmen yang baik terhadap projek ini dan kepada pihak UMW Toyota, terima kasih diucapkan di atas kesudian pihak tuan untuk menaja program ini. Saya berharap projek seperti ini akan mendapat sambutan yang menggalakan daripada pihak sekolah dan agar lebih banyak program-program kesedaran alam sekitar yang serupa akan diadakan di masa-masa akan datang. Saya juga menyeru agar syarikat-syarikat lain akan turut menunjukkan keprihatinan terhadap alam sekitar dengan menganjurkan program-program yang dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat mesra alam di kalangan rakyat Malaysia.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya melancarkan Program Toyota Eco-Youth Peringkat Kebangsaan.

Sekian, terima kasih.